

Amanah saham untuk peladang tahun depan

Oleh
WAHID HASHIM

KUALA LUMPUR 12 Ogos — Para peladang akan berpeluang memiliki saham apabila satu skim yang eksklusif untuk mereka iaitu Amanah Saham Peladang (ASP) dilancarkan tahun depan.

Utusan difahamkan, ASP adalah skim tabungan amanah di mana pendapatan serta sumber-sumber simpanan milik peladang di seluruh negara akan disatukan dan diurusniagakan secara profesional oleh Permodalan Peladang Berhad (PPB).

Langkah penubuhan ASP dilihat sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-

baru ini supaya peladang memiliki saham melalui sebuah syarikat gergasi milik mereka bagi menggantikan sistem koperasi.

Sumber-sumber memberitahu, pada masa ini satu kertas kerja sedang disediakan bagi pelaksanaan skim itu.

ASP akan diuruskan oleh Pengurusan Amanah Saham Peladang Berhad (PASPB), sebuah syarikat milik penuh PPB.

Usahasama

PPB adalah sebuah syarikat pelaburan milik usahasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan 13 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

Menurut sumber-sumber berkenaan, tenaga pengurusan PASPB yang sedia ada akan di-

naikkan taraf, selain daripada perlantikan baru kakitangan profesional yang diperakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Pemegang Amanah Raya.

Peladang yang layak melabur dalam ASP ialah ahli-ahli yang berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Syarikat Kerjasama Asas Tani (SKATA).

Cadangan awal PPB adalah membenarkan had pelaburan minimum bagi pelaburan individu sebanyak RM50 dan maksimum RM50,000, manakala pelaburan minimum institusi sebanyak RM5,000 dan maksimum RM10 juta.

Institusi peladang yang dibenarkan melabur ialah PPK, SKATA, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan NAFAS.